

Headline	<b>Sokong teknologi tempatan: Mimos</b>	Language	<b>Malay</b>
Date	<b>05 Mar 2011</b>	Page No	<b>49</b>
MediaTitle	<b>Harian Metro</b>	Article Size	<b>80 cm<sup>2</sup></b>
Section	<b>Bisnes</b>	Color	<b>Black/white</b>
Journalist	<b>N/A</b>	ADValue	<b>1,182</b>
Frequency	<b>Daily</b>	PRValue	<b>3,545</b>
Circ / Read	<b>324,097 / 1,981,000</b>		



# Sokong teknologi tempatan: Mimos

**M**IMOS menyaran dan meletakkan harapan tinggi khususnya terhadap syarikat tempatan agar memberi sokongan kepada usaha mengutamakan teknologi hasil garapan kepakaran tempatan berikutan membabitkan kos lebih rendah, namun setanding dari luar negara.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Mimos, Datuk Abdul Wahab Abdullah berkata, setakat ini kira-kira 25 syarikat tempatan sudah memeterai Perjanjian Pelesenan Teknologi (TLA) dengan Mimos sebagai syarikat penerima teknologi namun, jumlah berkenaan masih terlalu kecil.

“Walaupun Mimos antara agensi berkaitan penyelidikan dan pembangunan (R&D) teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang aktif, namun jumlah syarikat tempatan yang menggunakan kepakaran kami masih kecil.

“Kami meletakkan harapan agar lebih banyak syarikat khususnya dari sektor swasta untuk menggunakan pakai teknologi yang dibangunkan Mimos kerana ia jauh lebih murah berbanding teknologi yang diimport dan dalam masa sama dapat memartabatkan teknologi buatan tempatan,” katanya selepas majlis pelancaran platform teknologi Intelligent Learning Management System (iLMS) yang disempurnakan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin.